



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG SALAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN REMAJA PEREMPUAN DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK, PERAK**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**JESMIN BINTI ABD WAHAB**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG SALAH LAKU SEKSUAL DALAM  
KALANGAN REMAJA PEREMPUAN  
DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK,  
PERAK**

**JESMIN BINTI ABD WAHAB**



05-4506832



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2019**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (↓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

		✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**Perakuan ini telah dibuat pada 29.....(hari bulan) 09..... (bulan) 2019.....**i. Perakuan pelajar :**Saya, JESMIN BINTI ABD WAHAB,M20142002091,FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawadisertasi/tesis yang bertajuk FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG SALAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN PEREMPUAN DI INSITUSI PEMULIHAN AKHLAK,PERAK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**Saya, PROF MADYA DR ABDUL TALIB HASHIM (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG SALAHLAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN PEREMPUAN DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK, PERAK

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

  
Tariq

Tandatangan Penyelia

**PROFESSOR MADYA DR. ABDUL TALIB HASHIM**  
Jabatan Pengajian Pendidikan  
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia  
Universiti Pendidikan Sultan Idris



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

PERPUSTAKAAN / 1

iii

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORMTajuk / Title: FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG SALAH LAKU BEKSUAL DALAM  
KALANGAN PEREMPUAN DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK, PERAKNo. Matrik / Matric's No.: M20142002091  
Saya / I: JESMIN BINTI ABD WAHAB

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membernarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Faizah/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-



1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat perjaluan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori TIDAK TERHAD.  
*The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdiri keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972.  
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dipelankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

*Jesmin**[Signature]*

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 29/08/2019PROFESSOR MADYA DR. ABDUL TAIB HASHIM  
Jabatan Pengajian Pendidikan  
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirk dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu





## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur Alhamdulillah ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurniaNya disertasi ini berjaya disiapkan.

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan ikhlas buat penyelia disertasi ini iaitu **Prof Madya Dr. Abdul Talib Mohamed Hashim** yang telah banyak membantu dengan penuh komited dalam bimbingan, menasihati, memberi panduan serta tunjuk ajar yang sangat berguna di sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan. Penyelidik juga ingin merakamkan sekalung budi buat pensyarah sosiologi, **Prof Dr Amir Hasan Dawi** yang mencetuskan minat penyelidik untuk mendalami ilmu sosiologi. Tidak dilupai semua pensyarah fakulti ini sepanjang penyelidikan ini yang turut membantu merealisasikan disertasi ini.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih buat warga **Jabatan Kebajikan Masyarakat**, pengetua, kaunselor dan tenaga pengajar di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak yang terlibat dalam memberikan kerjasama yang sangat baik dalam memastikan penyelidikan ini berjalan dengan lancar.

Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada ayah dan ibu, **Haji Abd Wahab bin Ali dan Hajah Sariah Mohamad** yang menjadi pembakar semangat. Arwah bonda mentua dan arwah ayah mentua, **Hajah Rahnah dan Haji Abdullah**. Suami tercinta, **Mohamad Hilmi Abdullah** dan anak-anak yang disayangi, **Farah Shameerah Hani, Ahmad Farhan, Marzuq AlBhukari, Ainatul Hani, Ahmad Shakir** dan **Ahmad Shahir** yang sentiasa memahami. Nenda **Samsaah Hj Alias** dan **Mohamad Mustafa Raja Kemala** yang sentiasa dalam ingatan. Adik-beradik yang banyak memberi sokongan moral iaitu **Jeffry Wahab, Azizi Wahab, Abdul Mutalib Wahab** dan **Siti Nuraini Wahab**. Sahabat **Mazlin Ismail** yang banyak memberi informasi dalam menyiapkan disertasi ini. Semoga Allah memberkati kita dan memberi kebaikan daripada tugas ini serta melindungi segala keburukan yang terdapat di dalamnya. Sesungguhnya segala sesuatu itu atas kehendakNya juu.

Sekian, wassalam.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor-faktor yang mendorong remaja perempuan yang terlibat dengan salah laku seksual di sebuah Institusi Pemulihan Akhlak, Perak. Pendekatan kualitatif dengan rekabentuk kajian kes digunakan dalam kajian ini dan seramai 10 orang responden dipilih secara persampelan bertujuan. Pengumpulan data kajian adalah melalui kaedah temubual yang mendalam secara individu dan analisis dokumen. Kaedah analisis tematik oleh Braun dan Clark digunakan untuk menganalisis dapatan kajian. Dapatan kajian mendedahkan empat motif perlakuan responden melakukan salah laku seksual iaitu perasaan ingin mencuba, cinta, keseronokan dan duit. Dapatan juga menunjukkan kawalan ibu bapa didapati lemah dan sederhana menyebabkan responden terdorong untuk melakukan salah laku seksual. Dapatan kajian turut mendapati bahawa tingkahlaku delinkuen yang digunakan untuk melepaskan diri daripada kawalan ibu bapa ialah pergi bersiar-siar, pergi ke rumah kawan, belajar secara berkumpulan dan keluar tanpa pengetahuan ahli keluarga. Ciri-ciri pasangan responden pula ialah lelaki yang sudah bekerja, lebih berusia, pandai mengambil hati dan pendengar yang baik. Kesimpulannya, elemen-elemen yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan ialah motif perlakuan, kawalan ibu bapa, tingkahlaku delinkuen untuk mengelakkan diri daripada kawalan ibu bapa dan ciri-ciri yang dimiliki oleh pasangan responden. Implikasinya, pengesahan awal dan strategi pencegahan dapat dilaksanakan oleh ibu bapa, guru-guru dan agensi yang berkaitan bagi mengurangkan salah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan.





## **CONTRIBUTING FACTORS ON THE SEXUAL MISCONDUCT AMONG THE TEENAGE GIRLS AT A MORAL REHABILITATION INSTITUTION, PERAK**

### **ABSTRACT**

This research investigated the contributing factors which encourage the teenage girls who are involved in the sexual misconduct at a moral rehabilitation institution in Perak. The case study was applied as the qualitative approach and 10 respondents were selected through purposive sampling. A detailed interview and document analysis were selected as the data collection instruments. The data collected was then analysed using thematic approach by Braun and Clark. From the findings, four motives of the respondents' behaviours were revealed as why they performed the sexual misconduct: curiosity, love, pleasure and money. Other than these four main motives of behaviours, the finding have dedicated that weak and average control by parents also contributed to the sexual misconduct among the respondents. The findings have also revealed some behaviours by the delinquents in order to escape from the control by their parents which were sightseeing, visit friends' houses, group study and slip away from their house. The findings have also identified four main criteria of their male partners: employed, older age, ingratiated and good listeners. In conclusion, the element which contributed to the sexual misconduct among the teenage girls are motives of their behaviours, the level of control by their parents, the delinquents' behaviours as to escape from the control by their parents and the criteria of the respondents' male partners. As the implications, early detection and prevention strategies can be implemented by parents, teachers and also relevant agencies as to reduce the sexual misconduct among the teenage girls.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	4



1.3 Penyataan Masalah	9
-----------------------	---

1.4 Objektif Kajian	13
---------------------	----

1.5 Persoalan Kajian	14
----------------------	----

1.6 Kepentingan Kajian	14
------------------------	----

1.6.1 Ibubapa	15
---------------	----

1.6.2 Guru-Guru	15
-----------------	----

1.6.3 Kaunselor Sekolah	16
-------------------------	----

1.6.4 Pengurusan Sekolah	16
--------------------------	----

1.6.5 Masyarakat	17
------------------	----

1.7 Skop Kajian	17
-----------------	----

1.8 Batasan Kajian	17
--------------------	----



1.9.1 Salah laku Seksual	18
--------------------------	----

1.9.2 Devian	19
--------------	----

1.9.3 Delinkuen	19
-----------------	----

1.9.4 Kawalan Keluarga	20
------------------------	----

1.9.5 Remaja Perempuan	20
------------------------	----

1.9.6 Pusat Pemulihan Akhlak Wanita & Gadis Di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat	21
--	----

1.9 Kerangka Konseptual Kajian	25
--------------------------------	----

1.11 Rumusan	27
--------------	----

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	28
----------------	----





2.2 Fenomena Tingah Laku Remaja Perempuan Dalam Salah Laku Seksual	29
2.2.1 Kajian-Kajian Dalam Negara	29
2.2.2 Kajian-kajian Luar Negara	34
2.3 Teori –Teori Berkaitan Tingkah Laku	36
2.3.1      Teori Sosiolisasi	37
2.3.2      Teori Fungsionalisme	39
2.3.3      Teori Kawalan Sosial ( <i>Control Theory</i> )	40
2.3.4      Teori Aktiviti Rutin	41
2.4          Rumusan	45

### BAB 3 METODOLOGI KAJIAN



3.1 Pengenalan	46
3.2 Reka Bentuk Kajian	47
3.2.1 Pendekatan kajian	48
3.2.2 Kaedah Kajian	50
3.3      Lokasi Kajian	51
3.4      Populasi & Sampel Kajian	52
3.4.1 Populasi	53
3.4.2 Sampel Responden Kajian	54
3.4.3 Persampelan	55
3.5      Instrumen Kajian	56
3.5.1 Analisis dokumen	56
3.5.2 Temu bual	58





3.6	Pengaplikasi Triangulasi	59
3.7	Prosuder Kajian	60
3.8	Prosuder Pengumpulan Data	61
3.9	Prosuder Analisis Data	62
3.10	Kesahan	64
3.11	Kajian Rintis	65
3.12	Jadual Kerja Kajian	68
3.13	Rumusan	69

#### **BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan	70
4.2	Latar Belakang Responden	71
4.3	Sejarah Salah Laku Seksual Responden	74
4.4	Analisis Data Berdasarkan Soalan Kajian	77
4.4.1	Motif Perlakuan Yang Mendorong Salah Laku Seksual Remaja Perempuan di Institusi Pemulihan Akhlak,, Perak	80
4.4.2	Kawalan Keluarga Yang Mendorong Salah Laku Seksual Remaja Perempuan di Institusi Pemulihan Akhlak,Perak	80
4.4.3	Tingkah Laku Delinkuen Untuk Mengelak Kawalan Keluarga Yang Mendorong Salah Laku Seksual Remaja Perempuan, Di Institusi Pemulihan Akhlak,	84
4.4.4	Ciri-ciri Pasangan Yang Mendorong Salah Laku Seksual Remaja Perempuan DI Institusi Pemulihan Akhlak,86	
4.4.4.1	Remaja Perempuan	87
4.4.4.2	Pasangan Remaja	89
4.5	Rumusan	91





## BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	92
5.2	Ringkasan Kajian	93
5.3	Perbincangan Latar Belakang Responden	93
5.4	Perbincangan Sejarah Salah Laku Seksual Responden	95
5.4.1	Usia Ketika Pertama Kali Melakukan Salah Laku Seksual	95
5.4.2	Lokasi Mengenali Pasangan dan Kejadian Salah Laku Seksual	95
5.5	Motif Perlakuan	97
5.6	Kawalan Keluarga	100
5.7	Tingkah laku Delinkuen Untuk Mengelak Kawalan Keluarga	105
5.8	Ciri-ciri Pasangan yang mempengaruhi salah laku seksual	108
5.9	Strategi Pendekatan Pencegahan Salah laku Seksual	111
5.9.1	Ibu Bapa atau Penjaga	111
5.9.2	Guru-Guru	113
5.9.3	Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)	115
5.9.4	Masyarakat	115
5.10	Cadangan Bagi Kajian Lanjutan	116
5.11	Rumusan	118
	<b>RUJUKAN</b>	120
	<b>LAMPIRAN</b>	





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Remaja Yang Terlibat Dengan Jenayah Mengikut Penjaga, 2014	8
1.2 Kes Remaja Yang Memerlukan Pemeliharaan Dan Perlindungan Mengikut Sebab Penganiayaan, 2014	10
1.3 Bilangan Remaja Tidak Terkawal Taman Seri Puteri Mengikut Institusi 2013 Hingga 2016	24
3.1 Jadual Kerja Kajian	68
4.1 Latar Belakang Responden	73
4.2 Sejarah Salah Laku Seksual Responden	75
5.1 Motif Pelakuan Responden	99
5.2 Kawalan Keluarga Responden	104
5.3 Tingkahlaku Delinkuens Untuk Mengelak Kawalan Keluarga	108
5.4 Ciri-Ciri Pasangan	111



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Bilangan Kes Remaja Mengikut Jantina (2010 – 2014)	5
1.2 Bilangan Remaja Yang Memerlukan Perlindungan Dan Pemulihan Mengikut Jantina (2010 – 2014)	7
1.3 Kerangka Konseptual Kajian	28
2.1 Asas Segi Tiga Jenayah	48
3.1 Kupasan Kajian Berdasarkan Research Onion	54
3.2 Populasi dan Sampel kajian	60





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ix

## SENARAI SINGKATAN

TSP

Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

x



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Permohonan Menjalankan Kajian di Jabatan Kebajikan Masyarakat
- B Surat Perakuan Menjalankan Kajian Di Jabatan Kebajikan Masyarakat
- C Surat Pengesahan Penyelia Untuk Pelajar Membuat Penyelidikan
- D Surat kelulusan Menjalankan Kajian di Jabatan Kebajikan Masyarakat
- E Contoh Borang Persetujuan Untuk Menjadi Responden Kajian
- F Contoh Soalan Kepada Responden
- G Contoh Pengekodan Data



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-1832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kadar remaja perempuan yang terlibat dengan salah laku tidak bermoral tiada surutnya amatlah membimbangkan. Secara tidak langsung, fenomena ini mencerminkan kelemahan hubungan sosial dalam masyarakat dan negara. Hampir setiap hari kita mendengar laporan salah laku remaja perempuan yang membabitkan perilaku mereka yang dikaitkan dengan salah laku seksual, kehamilan tanpa nikah, lari bersama teman lelaki dan pembuangan bayi. Bukan mudah untuk membesarkan seorang gadis dalam arus alaf baru yang berkonsepkan ‘Dasar Langit Terbuka’ dan ‘Dunia Tanpa Sempadan’ ini. Remaja-remaja perempuan ini perlu diselamatkan daripada terus hanyut dalam kemelut sosial dan merugikan negara kerana mereka bakal melahirkan generasi masa hadapan. Gadis-gadis yang terlibat dalam gejala sosial yang negatif ini merupakan pesalah muda



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



yang tidak dianggap sebagai pesalah yang melakukan jenayah berat sebaliknya penglibatan mereka ini dianggap sebagai penganiayaan terhadap golongan wanita yang memerlukan perlindungan.

Anak-anak gadis era ini terdedah kepada pelbagai masalah sosial yang dibawa bersama dalam arus kemajuan teknologi yang pesat berkembang. Elbagai isu berkaitan tindakan remaja perempuan yang terlibat dengan gejala sosial berkaitan pergaulan seharian sering menjadi viral hangat di media sosial. Tindakan mereka itu sangat membimbangkan ibu bapa yang memiliki anak-anak perempuan. Seorang gadis berusia 14 tahun yang dikenali sebagai Nur Amirah Atirah Abdul Majid telah menghubungi keluarganya dan mendakwa dia telah dilarikan oleh sekumpulan lelaki. Dia akhirnya ditemui dalam keadaan selamat bersama teman lelakinya. Tindakannya itu amat menggemparkan masyarakat Malaysia (Utusan Malaysia, 6 Januari, 2016).

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh menyatakan dari tahun 2012 hingga 2016 sebanyak 79,302 kes remaja hamil bawah 18 tahun telah dilaporkan. (Astro Awani, 22 Oktober, 2018). Tambahnya lagi, 4,000 remaja bawah 18 tahun hamil dalam tempoh setahun yang dilaporkan di seluruh Malaysia. Beliau menambah 911 bayi dibuang dari tahun 2010 hingga ogos 2018 di mana 585 daripada jumlah bayi dijumpai tidak bernyawa. Kenyataan ini menggambarkan remaja perempuan tidak dapat mengawal diri daripada terlibat dalam aktiviti seksual. Rentetan daripada data-data ini, perhatian yang serius haruslah diambil terhadap remaja-remaja perempuan agar keterlibatan mereka dalam salah laku seksual ini dapat dikurangkan. Data ini turut menjelaskan bahawa salah laku seksual dalam kalangan





remaja perempuan semakin meningkat. Penglibatan mereka dalam salah laku seksual membawa kepada masalah sosial yang lain seperti pembuangan bayi, pelacuran dan penyakit-penyakit berkaitan seks rambang.

Sepanjang tahun 2015, sebanyak 787 kes remaja hamil di Perak terdiri daripada pelajar sekolah (*Berita Harian*, 11 Oktober 2106). Datuk Dr Mah Hang Soon iaitu Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Negeri Perak menjangkakan bilangan kes itu lebih tinggi kerana ada kes yang tidak dilaporkan terutama dalam kalangan remaja perempuan yang masih bersekolah. Kerajaan Negeri Perak kini dalam proses untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut dan mengumpul data mengenai remaja hamil untuk mencari jalan penyelesaian sehingga ke akar umbi. Perkhidmatan kotak pengumpulan bayi iaitu ‘baby hatch’ dilancarkan di Hospital Ipoh telah mengurangkan kes pembuangan bayi yang menyebabkan kematian bayi tersebut. Pembuangan bayi adalah kronologi pada masalah sosial remaja perempuan dalam salah laku seksual. Persoalannya, mampukah cara ini menjadi penyelesaian terbaik untuk mengurangkan masalah sosial remaja perempuan dalam salah laku seksual? Berdasarkan fenomena yang membimbangkan masyarakat ini, sewajarnya analisis faktor-faktor mendorong tingkah laku remaja-remaja perempuan yang telah melibatkan diri dalam salah laku seksual ini dikaji secara mendalam. Tindakan segera dapat menangani salah laku mereka pasti akan memberi impak yang besar terhadap masyarakat dan negara. Tindakan segera sudah pastilah bermula daripada mereka sendiri, agen sosialisasi mereka yang pertama iaitu keluarga dan seterusnya pasangan mereka.






## 1.2 Latar Belakang Masalah

Kaji selidik kesihatan pelajar berdasarkan Sekolah Global kendalian Kementerian Kesihatan Malaysia pada 2012 yang membabitkan remaja berusia 13 hingga 17 tahun di seluruh negara mendapati 50.4 peratus yang ditemui mengaku telah mengadakan hubungan seks kali pertama sebelum usia 14 tahun. Pada 2 Disember 2015, Datuk Jainab Ahmad Ayid selaku Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna negeri berkata, Negeri Sabah mencatatkan kes kehamilan remaja tertinggi iaitu sebanyak 4,795 kes bagi tempoh 2011 hingga Jun tahun 2015. (Polis Diraja Malaysia, 2015). Kajian Kementerian Kesihatan mendapati secara purata setiap tahun sebanyak 18,000 remaja perempuan hamil pada usia 10 dan 19 tahun dengan 4,500 orang dilaporkan tidak



Angka-angka ini amat membimbangkan semua pihak terutama para pendidik dan ibu bapa. **Rajah 1.1** menunjukkan kes yang melibatkan remaja perempuan adalah lebih tinggi daripada kes remaja lelaki. Faktor-faktor penglibatan mereka dalam salah laku seksual perlu diselami agar tindakan yang tepat boleh diambil pada peringkat yang sesuai dan kepada remaja-remaja perempuan yang berisiko untuk terlibat dalam salah laku seksual. Bilangan kes remaja perempuan dalam gejala sosial ini perlu dikurangkan dari semasa ke semasa. Oleh itu, kita sebagai orang dewasa perlu membentuk dan membantu mereka untuk menjadi insan yang berguna melalui penerokaan pengalaman mereka sendiri yang telah terlibat secara langsung agar kesilapan mereka boleh dijadikan iktibar kepada remaja perempuan yang lain.





Rajah 1.1 Bilangan Kes Remaja Mengikut Jantina, 2010 –2014

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat 2014

**Rajah 1.2** menunjukkan peratus kes remaja yang memerlukan perlindungan dan pemulihan mengikut jantina 2014. Peratus remaja perempuan sangat tinggi berbanding daripada peratus remaja lelaki. Perbezaan peratus yang tinggi ini memberi petunjuk kepada masyarakat Malaysia bahawa remaja perempuan di negara ini semakin terdedah kepada situasi yang tidak selamat. Pada usia yang mentah ini, remaja perempuan seharusnya dilindungi, dijaga dan dididik sebaik-baiknya. Maka sewajarnya, kita memahami faktor-faktor yang mendorong remaja perempuan sehingga terjerumus dalam salah laku seksual.






Peratus kes remaja perempuan yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan mengikut jantina dalam Rajah 1.2 memberi gambaran bahawa remaja perempuan di Malaysia perlu diberi tumpuan dan perhatian yang sepenuhnya agar mereka tidak bertindak secara melulu dan hanya memenuhi keseronokan diri mereka sendiri. Faktor kebebasan dalam setiap tingkah laku mereka sering menjadi keutamaan dalam setiap langkah yang diatur. Mereka sering beranggapan kehidupan di luar rumah mereka lebih menyeronokkan berbanding daripada di dalam rumah. Pengalaman mereka ini perlu difahami dan didalami agar dapatkan kajian boleh dianalisis serta difahami untuk digunakan untuk penyusunan semula program sedia ada.

Penubuhan institusi pemulihan akhlak dan perkhidmatan kotak perkhidmatan bayi perlu diteliti agar objektifnya tidak menyebabkan bilangan kes yang membabitkan remaja perempuan terus meningkat. Penyisihan mereka daripada keluarga atau masyarakat juga hanya akan menyebabkan mereka terperangkap dalam gejala sosial. Jika mereka ini terasa diri mereka kosong dan sudah tidak berguna lagi maka semestinya mereka akan keluar mencari perhatian dan kasih sayang daripada individu lain yang pasti mengambil kesempatan ke atas diri mereka yang berfikiran cetek itu. Keputusan untuk memutuskan hubungan kekeluarga dengan mereka tidak menjadikan mereka itu anak kepada orang lain dan bukanlah satu jalan penyelesaian yang bijak. Kajian faktor penolakan mereka terhadap kawalan keluarga perlu difahami secara mendalam agar mereka tidak mencari kasih sayang dan kebahagian di luar lingkungan keluarga.





Rajah 1.2 Bilangan Remaja Yang Memerlukan Perlindungan Dan Pemulihan Mengikut Jantina, 2010 – 2014. Sumber daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat 2014

Jika diteliti statistik dalam **Jadual 1.1** didapati remaja yang terlibat dengan jenayah dikawal oleh ibu bapa kandung mereka iaitu 3,371 kes. Kesibukan mencari rezeki tidak boleh dijadikan alasan untuk mengabaikan kebajikan anak kandung mereka. Ibu bapa berperanan dalam menentukan perkembangan emosi dan moral anak masing-masing. Menurut Zainal dan Mohd Sharani (2004:34), ibu bapa selalu menghabiskan masa bersama teman sekerja, sedangkan remaja inginkan masa bersama-sama ibu bapa. Remaja mahu menjadikan ibu bapa bukan sahaja sebagai rakan tetapi mereka memerlukan pertolongan, perhatian, tumpuan dan kasih sayang daripada mereka. Remaja merasakan mereka selalu dimarahi dan dipaksa bagi memenuhi peraturan dan norma-norma dalam sesebuah keluarga. Konflik antara ibu bapa dengan remaja sering berlaku sekiranya hala tuju dalam kehidupan yang berbeza. Pertentangan antara anak dan ibu



bapa biasa berlaku berkaitan pemilihan kawan, pemilihan fesyen pakaian dan rambut, penggunaan harta kepunyaan keluarga, tahap pencapaian sekolah dan disiplin diri.

### Jadual 1.1

#### *Remaja Yang Terlibat Dengan Jenayah Mengikut Penjaga, 2014*

Kawalan/Penjagaan	Bilangan Kes
Bersama ibu bapa	3,371
Bersama ibu/ibu tunggal	680
Bersama bapa/duda	122
Bersama ibu dan bapa tiri	162
Bersama bapa dan ibu tiri	65
Bersama datuk dan nenek	98
Bersama ahli keluarga terdekat	140
Tinggal sendiri	50
Bersama kawan	89
Tidak menentu/lari dari rumah	19
Lain-lain	357
Jumlah	5,153

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat (2014)

Zaman remaja pasti akan dilalui oleh setiap individu sebelum melewati waktu tua. Sebagai individu yang telah melalui zaman ini, kita seharusnya memahami cabaran dan dugaan yang melanda mereka lebih-lebih lagi dengan ledakan teknologi yang semakin hari semakin canggih. Proses transisi daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa tidak lagi sama seperti 10 tahun yang lalu. Oleh itu, kajian faktor-faktor yang boleh mempengaruhi salah laku seksual dalam kalangan remaja patut dilakukan secara berterusan. Penglibatan salah laku seksual remaja perempuan yang dilakukan secara sukarela mahupun paksaan perlu diberi perhatian bagi menyelamatkan mereka daripada





terlibat dengan salah laku yang lebih teruk seperti pelacuran dan pembuangan bayi yang tidak berdosa.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Fenomena salah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Kajian ini bertujuan mendalamai faktor-faktor yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan yang tidak terkawal yang menghuni di Institusi Pemulihan Akhlak, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak. Motif perlakuan, kawalan keluarga dan tingkah laku delinkuen untuk melepaskan diri daripada kawalan keluarga dan daya tarikan pasangan mereka akan diperhalusi.



**Jadual 1.2** menunjukkan sebab remaja memerlukan pemulihan dan perlindungan adalah disebabkan penganiayaan daripada teman lelaki adalah yang tertinggi menimbulkan minat penyelidik untuk turut mendalamai masalah remaja perempuan yang berkaitan dengan teman lelaki.





## Jadual 1.2

### *Kes Remaja Yang Memerlukan Pemeliharaan dan Perlindungan Mengikut Sebab Penganiayaan 2014*

Sebab Penganiayaan	Bilangan Kes
Mengikut teman lelaki	732
Perbalahan keluarga	715
Kecuaian ibu bapa/penjaga	606
Lain-lain	403
Masalah kewangan	390
Anak tidak sah taraf	232
Tidak diketahui	200
Penagih	175
Anak tiri/angkat anak orang lain	163
Gila seks	121
Dipelihara oleh orang lain semasa kecil	119
Pendera alami masalah kesihatan mental	113
Kaki botol pemabuk	107
Terlibat dengan jenayah	71
Hyperaktif	52
Bayi/kanak-kanak cacat	36
Kaki judi	27
Pendera juga mangsa dera	20
Kepercayaan karut	13
Jumlah	4,295

Sumber: Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (2014)

Perkataan ‘seks’ merupakan satu perkataan yang sangat sensitif dan terlalu peribadi untuk dibincangkan dalam norma-norma masyarakat timur termasuklah di Malaysia. Hal ini membataskan perbincangan tentang salah laku seksual yang dianggap terlalu peribadi dan sensitif. Namun isu memiliki kekasih atau teman lelaki pada peringkat remaja tidak lagi dianggap satu perbuatan devian pada masa kini. Kebanyakan ibu bapa telah mengiktiraf perasaan cinta anak remaja mereka. Hakikatnya, remaja mudah terpedaya dan akan terlanjur dalam hubungan yang boleh merosakkan masa depan





mereka. Keterbukaan ibu bapa ini dikhuatiri akan menjadikan isu keperawanan juga akan menjadi devian ‘overtime’ (perbuatan yang telah menjadi norma sekarang) atau trend dalam kalangan remaja perempuan di Malaysia (Rohana, 2014:128). Pengkaji mendapati bahawa kajian untuk mendalami masalah remaja perempuan yang terjebak dalam salah laku seksual di peringkat usia awal remaja perlu dijalankan. Selain itu, faktor-faktor yang mendorong salah laku seksual pada peringkat awal remaja perempuan masih kurang dibincangkan secara mendalam di Malaysia.

Golongan fungsionalisme beranggapan masalah kenakalan remaja merupakan masalah yang universal dan berlaku di mana-mana serta mempunyai fungsi tertentu. Masalah salah laku seksual remaja ini tidak sewajarnya dipandang remeh kerana mereka akan mengulangi kesalahan yang sama dan melibatkan diri dalam permasalahan yang lebih serius seperti pelacuran. Kemerosotan moral remaja perempuan tidak boleh dibiarkan kerana mereka merupakan penerus budaya kepada generasi seterusnya. Menurut S.Miller, L.Leve & P.Kerg (2014), para penyelidik perlu menumpukan perhatian untuk menangani kenakalan remaja perempuan yang berkaitan dengan tingkah laku mereka yang bermasalah melalui pengalaman mereka yang terlibat dalam pelbagai kes juvana. Masalah salah laku seksual berkait rapat dengan pelbagai faktor yang harus dikaji dari masa ke masa. Faktor-faktor pendorong yang pelbagai ini menarik perhatian pengkaji untuk menyelaminya daripada remaja-remaja perempuan yang telah terlibat dalam salah laku seksual





Penempatan mereka di pusat-pusat pemulihan dianggap sebagai memberi peluang kedua untuk mereka mengubah pelakuan mereka daripada delinkuens ke arah menjadi insan yang dapat memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara. Mereka adalah orang yang paling tepat untuk didekati untuk mendalami isu seksual dalam kalangan remaja perempuan. Mereka juga merupakan individu yang paling tepat sebagai pemberi informasi yang bermanfaat untuk menangani masalah yang berkaitan salah laku seks dalam kalangan remaja perempuan. Pembukaan pusat perlindungan wanita dan gadis oleh pihak kerajaan mahupun persendirian yang semakin bertambah bilangannya hanya mampu membantu mereka selepas terjadinya salah laku seksual. Pusat ini juga akan memastikan mereka tidak terus tersasar dari norma kehidupan dan terlibat dengan gejala sosial yang lebih serius. Oleh itu, program intervensi yang selari dengan masalah yang mereka alami perlulah dirancang sebaiknya berdasarkan fakta-fakta yang diperoleh melalui kajian ini.

Pelindungan dan pemulihan adalah langkah yang baik untuk membentuk semula remaja yang tersasar agar dapat diterima semula oleh masyarakat. Namun, pelindungan dan pemulihan tidak akan menyelesaikan dalam mengurangkan bilangan masalah salah laku dalam kalangan remaja-perempuan ini sekiranya tiada program yang berkesan dilaksanakan sebagai perisai kepada remaja yang masih belum terjebak dalam gejala sosial ini iaitu salah laku seksual. Persoalannya, mengapakah remaja perempuan ini terlibat dengan salah laku seks? Apakah motif perlakuan mereka itu? Kajian yang mendalam tentang sebab remaja perempuan melakukan salah laku seksual perlu





dijalankan agar memudahkan pihak-pihak tertentu untuk melaksanakan program intervensi dari peringkat awal.

Apakah kawalan keluarga mereka yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan? Mengapakah kawalan keluarga mereka gagal untuk menahan mereka daripada melakukan salah laku seksual? Statistik penglibatan remaja perempuan yang terlibat dengan hamil luar nikah dan pembuangan bayi yang merupakan kesan daripada salah laku seksual remaja perempuan sangat menarik minat penyelidik untuk menyelongkar masalah mereka.

Remaja yang berisiko terlibat dalam tingkah laku delinkuens sangat bijak untuk melepaskan diri daripada kawalan ibu bapa. Bagaimanakah mereka berjaya mengelakkan diri daripada kawalan ibu bapa hendaklah dikaji agar tindak tanduk mereka boleh diramal oleh ibu bapa dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya. Menurut Bingenheimer & Reed (2014), lebih banyak penyelidikan yang diperlukan untuk memahami konteks hubungan remaja perempuan dengan teman lelaki dalam usaha mencegah salah laku seksual yang dilakukan oleh teman lelaki tersebut kepada remaja perempuan. Kajian yang mendalam perlu dilaksanakan untuk menyedarkan ibu bapa khususnya tentang realiti pengaruh teman lelaki yang boleh mendorong salah laku seksual dalam anak-anak mereka pada masa kini. Tambahan pula, faktor-faktor yang memendorong remaja perempuan berubah mengikut arus kemajuan teknologi. Devian sering berubah dari satu era sosial kepada satu era sosial yang lain yang menyebabkan kajian terhadap mereka perlu dilakukan secara berterusan (Osgood, Anderson & Shaffer,





2005). Tugas mendidik dan membentuk remaja akan menjadi lebih rumit sekiranya kita tidak memahami masalah dan mengetahui cabaran yang mereka lalui dalam zamannya. Rentetan itu, kita perlu memahami faktor-faktor yang mendorong tingkah laku remaja perempuan yang terlibat dalam salah laku seksual.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk memahami dengan lebih mendalam pengalaman dan suara remaja tidak terkawal di Institut Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak. Objektif khusus bagi kajian ini adalah seperti berikut:



- 1.4.1 Mengenal pasti motif perlakuan yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja tidak terkawal di Institut Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak.
- 1.4.2 Mengenal pasti kawalan ibu bapa yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja tidak terkawal di Institut Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak.
- 1.4.3 Mengenal pasti tingkah laku delinkuen untuk mengelakkan diri daripada kawalan keluarga yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja tidak terkawal di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak.





1.4.4 Mengenal pasti daya tarikan pasangan yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja tidak terkawal di Institut Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak.

## 1.5 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian yang telah dikenal pasti dalam kajian adalah seperti berikut:

1.5.1 Apakah motif perlakuan yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan di Institut Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak?



05-4506832

1.5.2 Apakah kawalan ibu bapa yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan di Institut Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak?

1.5.3 Apakah tingkah laku delinkuen untuk mengelakkan diri daripada kawalan keluarga yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan di Institut Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak?

1.5.4 Apakah daya tarikan pasangan yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan di Institut Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak?





## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan iaitu sebagai sumber rujukan ibu bapa, kaunselor sekolah dan masyarakat untuk mengenali dan memahami kelakuan devian dalam kalangan remaja perempuan pada masa kini. Kajian ini juga boleh digunakan untuk menyusun program yang dapat menyelesaikan masalah salah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan yang semakin bertambah dari sehari ke sehari.

### 1.6.1 Ibu bapa

Input yang diperoleh dalam kajian ini dapat digunakan oleh ibu bapa yang khususnya



Pada masa yang sama, ibu bapa dapat mengenal pasti motif tingkah laku anak-anak perempuan yang terjebak dalam salah laku seksual. Sekiranya ibu bapa mendapati anak-anak perempuan mereka itu merupakan remaja yang berisiko untuk terlibat dengan salah laku seksual maka mereka dapat melakukan tindakan sewajarnya dan mendekati anak-anak perempuan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya. Anggota keluarga yang memiliki kakak atau adik perempuan yang berhadapan dengan masalah yang sama boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk membantu menyelesaikan masalah anggota keluarga mereka.





### 1.6.2 Guru-guru

Hasil dapatan daripada kajian ini dapat membantu guru mengenali anak didik mereka dengan lebih cepat dan dekat lagi. Guru sewajarnya menggunakan dapatan dalam kajian untuk mendekati remaja yang berisiko untuk terlibat dalam salah laku seksual dan membekalkan maklumat yang tidak diperoleh dari rumah mereka. Sekolah merupakan pusat untuk mengatur pengalaman hidup seseorang remaja. Di sekolah, mereka menguasai pelbagai kemahiran baru terutamanya sekolah menengah di mana mereka sedang mengalami zaman peralihan yang serba mencabar. Guru-guru dapat menggunakan dapatan kajian untuk lebih memahami tingkah laku murid-murid perempuan dan mengawal mereka yang didapati cenderung melibatkan diri dalam salah laku seksual.



Guru-guru dapat merancang aktiviti yang berkesan untuk mendekati golongan remaja yang dilihat cenderung untuk terjebak dalam salah laku seksual.

### 1.6.3 Kaunselor Sekolah

Hasil kajian juga boleh digunakan oleh kaunselor sekolah untuk mengendalikan kes-kes disiplin yang melibatkan salah laku seksual di peringkat sekolah. Kaunselor dapat mengenal pasti pelajar-pelajar perempuan yang terlibat dengan delinkuens yang sama dan memahami keadaan serta masalah yang mereka terpaksa lalui pada usia yang masih muda. Kaunselor dapat menyusun strategi yang lebih efektif untuk menangani pelajar-pelajar yang berisiko dalam permasalahan yang sama. Kaunselor juga dapat meramalkan sikap pelajar perempuan yang ditukarkan atau bertukar di sekolah mereka melalui





pelanggaran disiplin yang mereka lakukan di sekolah lama berdasarkan rekod yang diperoleh dari sekolah lama.

#### **1.6.4 Pengurusan Sekolah**

Dapatan kajian merupakan nilai tambah kepada pengurusan sekolah untuk mengatasi tingkah laku pelajar perempuan yang terlibat dalam kes sosial yang sama dalam kajian ini. Hasil kajian dapat membantu pengurusan sekolah merancang pelbagai program untuk melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Pihak pengurusan juga dapat merangka dan melaksanakan peraturan-peraturan tertentu serta langkah keselamatan bagi mewujudkan suasana persekitaran sekolah yang kondusif dan selamat.



#### **1.6.5 Masyarakat**

Kajian ini dapat mendedahkan kepada masyarakat bahawa mereka juga bertanggung jawab secara tidak langsung apabila seseorang remaja perempuan yang berada di sekeliling mereka terlibat dengan salah laku seksual. Masyarakat perlu menjadi mata dan telinga pihak sekolah dan ibu bapa remaja perempuan dalam mengecam identiti remaja yang berisiko ini dan memahami tindak tanduk mereka. Dapatan yang diperoleh dalam kajian ini boleh dijadikan panduan kepada mereka.





## 1.7 Skop Kajian

Fokus kajian yang dijalankan hanya tertumpu kepada remaja perempuan di Institut Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak. Antara aspek utama dalam kajian ini adalah memahami dengan lebih mendalam berkaitan faktor-faktor yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan di Institut Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak.

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan dalam kalangan remaja perempuan di sebuah institusi pemulihan akhlak wanita iaitu di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak. Kajian ini hanya dijalankan di institusi ini sahaja. Pemilihan institusi ini bertepatan dan bersesuaian dengan tajuk kajian.

Hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi remaja perempuan di seluruh negara mahupun di Malaysia. Hasil kajian ini terbatas kepada populasi sebuah institusi berkaitan sahaja. Hasil dapatan kajian ini juga bergantung kepada kejujuran pelatih-pelatih yang telah dipilih sebagai responden dalam memberikan jawapan tepat dan benar kepada soalan yang diajukan oleh penyelidik.





## 1.9 Definisi dan Konsep

Kajian ini menggunakan beberapa istilah khusus dan mempunyai makna yang tertentu yang diberikan definisi untuk menjelaskan konteks kajian seperti yang dinyatakan.

### 1.9.1 Salah laku Seksual

Menurut Asmak Haji Ali dan Zulekha Yusoff (2006), salah laku merujuk kepada perbuatan yang menyimpang secara signifikan daripada norma-norma yang ditentuan untuk individu dalam status sosial sesebuah masyarakat atau boleh dikatakan juga kelakuan mengikut arah yang tidak dipersetujui, yang bertentangan dengan norma dan

melebihi had toleransi sesuatu masyarakat. Balan Rathakrishnan (2011) menyatakan perlakuan seks normal biasanya oleh dua orang yang berlainan jantina dan tidak terkeluar daripada landasan norma masyarakat dan agama. Ab Alim & Kamarulzaman (2010:167) memberikan pandangan yang sama iaitu hubungan seks dilakukan oleh dua jantina yang berlainan dan perlakuan seks itu tidak terkeluar daripada landasan norma masyarakat dan agama. Salah laku seksual dalam kajian ini ialah hubungan seks antara dua jantina yang berlainan tanpa ikatan perkahwinan yang sah.

### 1.9.2 Devian

Menurut Amir Hasan (2006:230), devian, ‘*deviate*’ atau lencong didefinisikan sebagai bentuk tingkah laku yang menyimpang daripada norma-norma sosial masyarakat. Mereka





yang melanggar peraturan ialah devian. Kebanyakan ahli sosiologi menganggap devian bergantung kepada penilaian yang dibuat oleh individu atau masyarakat tersebut.( Rohana Yusof, 2014:128) Tingkah laku devian juga didefinisikan oleh Albert Bandura (1966) dalam Amir Hassan (2006) sebagai tingkah laku devian yang membawa erti perlakuan individu yang telah melanggar sistem sosial dalam komuniti. Lemert (1972) menjelaskan bahawa sesbuah komuniti tidak menerima sesuatu tingkah laku kerana tingkah laku itu telah melanggar norma-norma dalam masyarakat tersebut yang dianggap sebagai tingkah laku devian. Devian ialah orang yang berlainan dari segi akhlak dan lari daripada nilai piawai sosial yang dianggap biasa (Azizi et al, 2012: 199).

### 1.9.3 Delinkuen



Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:345), delinkuen ditakrifkan sebagai perbuatan jenayah kecil seperti perbuatan merosak, terutama sekali apabila dilakukan oleh remaja. Azizi Yahya (2012) mendefinisikan delinkuen sebagai kelakuan yang mengikut arah yang tidak dipersetujui atau yang bertentangan dengan norma. Remaja yang berumur bawah 18 tahun dianggap delinkuen sekiranya dia sedar akan kesalahan dan tindakan salah yang dilakukan (Azizi & Jamaludin, 2012: 250). Antara ciri-ciri tingkah laku delinkuen dalam kajian ini ialah melakukan perbuatan tidak bermoral dan antisosial seperti berpeleseran dan salah laku seksual. Selain itu, tingkah laku penipuan untuk mengelakkan diri mereka daripada kawalan ibu bapa untuk melakukan salah laku seksual.





#### **1.9.4 Kawalan Keluarga**

Kamarulzaman Kamaruddin (2009) mendefinisikan keluarga merangkumi keanggotaan oleh ahli yang mempunyai pertalian utama sama ada dalam perkhawinan, secara biologikal atau diangkat menjadi ahli serta mereka yang saling bergantungan tetapi berdikari, berkongsi matlamat, sumber dan mempunyai komitmen terhadap satu sama lain. Pengaruh keluarga yang diteliti dalam kajian ini ialah kawalan ibu bapa dan faktor latar belakang keluarga. Latar belakang keluarga yang akan turut diteliti dalam kajian ini seperti pekerjaan ibu bapa, taraf pendidikan ibu bapa, pendapatan ibu bapa, bilangan adik beradik, kedudukan remaja tidak terkawal dalam adik beradik dan status keluarga dan tingkah laku ibu bapa remaja tidak terkawal.



#### **1.9.5 Remaja Perempuan**

Remaja perempuan yang terlibat dalam kajian ini ialah remaja perempuan yang telah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana ditetapkan di bawah seksyen 82 Kanun Keseksaan, iaitu seseorang yang berumur 10 tahun ke atas dan di bawah umur 18 tahun. Melalui perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah Perenggan 40(3) (a) atau Seksyen 46 atau memohon sendiri di bawah Subseksyen 41(1). Remaja perempuan yang dikategorikan sebagai gadis yang tidak terkawal yang dipilih memasuki institusi inil iaitu seksyen 46(2)aa iaitu remaja perempuan yang terlibat dengan lari rumah, terlibat dalam aktiviti social yang negatif seperti seks bebas.





Remaja perempuan yang tidak terkawal ini sering dikaitkan dengan masalah keruntuhan moral. Remaja perempuan yang tidak terkawal dalam kajian ini ialah remaja perempuan yang telah melanggar peraturan dan undang-undang atau berkelakuan yang tidak diterima oleh norma masyarakat. Mereka dilindungi di institusi ini untuk diberi perlindungan dan pemulihan daripada terdedah kepada bahaya moral seperti seks bebas dan kecenderungan menjadi pelacur..

#### **1.9.6 Pusat Pemulihan Akhlak Wanita dan Gadis di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat**

Di Malaysia terdapat tempat perlindungan yang menyediakan perkhidmatan untuk melindungi, mendidik dan memberi latihan kepada wanita dan gadis yang teraniaya yang disediakan oleh pihak kerajaan, swasta dan orang perseorangan serta pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah seliaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diberi peranan untuk menangani perkara-perkara yang berkaitan kebajikan, perlindungan dan pemulihan wanita dan gadis iaitu Taman Seri Puteri dan Sekolah Tunas Bakti.

Taman Seri Puteri merupakan institusi tempat perlindungan bagi pemeliharaan dan pemuliharaan kanak-kanak yang ditubuhkan atau ditetapkan di bawah seksyen 55 Akta Kanak-kanak 2001. Objektif penubuhan Taman Seri Puteri, Batu Gajah, Perak ialah memberi perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang terdedah kepada bahaya moral atau keruntuhan akhlak dengan memupuk sikap dan nilai yang sesuai dengan





norma masyarakat serta memberi kemahiran yang bersesuaian. Kategori remaja tidak terkawal di Taman Seri Puteri, Batu Gajah, Perak iaitu

1. Permintaan bertulis ibu atau bapa atau penjaga kepada Mahkamah bagi Kanak-kanak supaya menahan anaknya ke tempat perlindungan.
2. Remaja tidak terkawal didorong melakukan perbuatan seksual, berada dalam suasana fizikal atau sosial yang membawa kepada perbuatan seksual.
3. Remaja tidak terkawal pernah tinggal atau mengunjungi mana-mana rumah pelacuran atau tempat berkaitan
4. Remaja tidak terkawal pernah bersama-sama atau berada di bawah kawalan muncikari atau orang yang bekerja atau berkepentingan dalam urusan di rumah pelacuran atau berkaitandengan pelacuran
5. Permohonan remaja tidak terkawal itu sendiri kerana memerlukan perlindungan segera kerana:
  - i. Diancam atau ditakut-takutkan bagi maksud pelacuran ataubersetuh dengan seseorang bagi apa-apa maksud lucah.
  - ii. Dikurung atau ditahan oleh seseorang lain
  - iii. Berkemungkinan atau sedang dilakukan ke atas kanak-kanak seperti maksud di atas
  - iv. Hamil anak luar nikah





Kini terdapat empat (4) buah Taman Seri Puteri ditubuhkan iaitu:

1. Taman Seri Puteri Batu Gajah
2. Taman Seri Puteri Cheras
3. Taman Seri Puteri Kota Kinabalu
4. Taman Seri Puteri Kuching

Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak merupakan salah sebuah institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan salah satu Jabatan di bawah Kementerian Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah digabungkan dengan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dengan nama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sejak 2004. Penubuhan Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak disebabkan peningkatan kes-kes tidak bermoral yang melibatkan gadis di bawah umur 18 tahun.

Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak ini telah memulakan operasinya pada tahun 1977. Pada awal penubuhan institusi ini termaktub di bawah Akta Perlindungan Wanita & Gadis 1977. Mulai tahun 2002, institusi ini telah termaktub di bawah Akta kanak-kanak 2001. Institusi ini merupakan institusi pemulihan akhlak bagi remaja perempuan yang berusia kurang daripada 18 tahun. Penglibatan gadis yang menghuni Taman Seri Puteri, Batu Gajah, Perak ini bukan berbentuk jenayah berat tetapi penglibatan mereka dalam kemelut bahaya moral, terdorong melakukan perbuatan seksual





Institusi ini hanya dikhaskan untuk menempatkan gadis dan wanita yang diperintahkan oleh mahkamah bagi Kanak-kanak di bawah Perenggan 403) (a) atau Seksyen 46 atau memohon sendiri di bawah subseksyen 41(1) Akta kanak-kanak 2001.

**Jadual 1.3** menunjukkan bilangan remaja tidak terkawal Taman Seri Puteri mengikut institusi dari 2012 sehingga 2015.

#### Jadual 1.3

*Bilangan Remaja Tidak Terkawal Taman Seri Puteri Mengikut Institusi 2013 Hingga 2016*

Institusi Pemulihan	2013	2014	2015	2016
Taman Seri Puteri Batu Gajah	62	69	53	90
Taman Seri Puteri Cheras	26	29	24	69
Taman Seri Puteri Kota Kinabalu	27	25	27	18
Taman Seri Puteri Kuching	39	35	21	11
Jumlah	194	123	125	188

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat 2016

Taman Seri Puteri, Batu Gajah, Perak masih merupakan Taman Seri Puteri yang mempunyai paling ramai penghuni berbanding daripada Taman Seri Puteri yang lain. Oleh itu, lokasi ini menjadi pilihan penyelidik kerana mempunyai banyak pilihan subjek yang berkaitan dengan kajian. Mereka yang ditempatkan di Taman Seri Puteri, Batu Gajah, Perak ini akan menjalani pemulihan selama tempoh tiga tahun. Namun tempoh ini boleh dikurangkan kepada satu tempoh tidak kurang dua belas bulan sekiranya






berkelakuan baik .Pengurangan tempoh ini hanya dapat dipertimbangkan oleh Lembaga Pelawat atau dengan meminda, mengubah atau membatal perintah Mahkamah bagi Kanak-kanak. Sepanjang pemulihan, mereka didedahkan dengan kemahiran vokasional, kurikulum, bimbingan kaunseling, pendidikan agama dan moral. Aspek ini amat penting untuk membolehkan mereka menilai diri dan memperbaiki perlakuan mereka untuk meneruskan kehidupan yang sempurna dan beretika serta berbudaya agar dapat diterima semula oleh masyarakat.

### 1.10 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibina bagi menggambarkan proses kajian yang dijalankan berdasarkan beberapa teori sosiologi. **Rajah 1.3** adalah kerangka konseptual kajian. **Rajah 1.3** menunjukkan ilustrasi grafik kerangka konseptual kajian penyelidik. Kerangka ini digunakan sebagai panduan menjalankan kajian ini. Kajian ini memfokuskan faktor-faktor yang mendorong remaja perempuan di Taman Seri Puteri, Batu Gajah, Perak iaitu motif perlakuan, kawalan keluarga, tingkah laku delinkuen untuk mengelakkan kawalan dan ciri-ciri pasangan mereka. Terdapat empat faktor yang mendorong remaja perempuan di Taman Seri Puteri, Batu Gajah, Perak terlibat dalam salah laku seksual yang difokuskan dalam kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji lebih berminat untuk mendalami motif perlakuan, kawalan keluarga, tingkah laku delinkuen untuk mengelakkan kawalan keluarga dan daya tarikan pasangan yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan di Institut Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, Taman Seri Puteri, Batu Gajah, Perak.





*Rajah 1.3: Kerangka Konseptual Kajian*

Berdasarkan teori-teori sosiologi yang digunakan dalam kajian ini seperti teori sosialisasi, teori fungsionalisme, teori kawalan sosial dan teori aktiviti rutin, faktor-faktor yang mendorong salah laku seksual dalam kalangan remaja perempuan di institusi pemulihan akhlak dapat diperjelaskan. Teori-teori ini membantu pengkaji memahami isu kajian dengan lebih jelas.



Kesimpulannya, kerangka konseptual adalah penting dalam kajian ini sebagai garis panduan kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian dengan sistematik. Selain itu, kerangka konseptual kajian ini dapat memperikan gambaran berkaitan proses dan langkah-langkah yang terlibat sepanjang kajian ini.

### **1.11 Rumusan**

Sebagai kesimpulannya, Bab 1 menerangkan dengan terperinci tentang pendahuluan penyelidikan yang meliputi aspek-aspek pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi istilah perkataan yang tertentu. Bab 1 menerangkan pengenalan mengenai masalah sosial dalam kalangan



remaja perempuan dan keperluan dan kepentingan mendalam faktor-faktor yang mendorong salah laku remaja perempuan untuk memahami jiwa mereka. Seterusnya, tinjauan mengenai kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian dan teori sosiologi turut dibincangkan dalam bab 2.

